

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan guru-guru Ekonomi Asas Tingkatan Empat KBSM sekolah menengah bagi mengenalpasti kekuatan-kekuatan dan kelemahan-kelemahan buku teks yang dibekalkan di bawah Skim Pinjaman Buku Teks, Kementerian Pendidikan. Aspek-aspek yang dikaji termasuklah isi kandungan, fakta dan maklumat, konsep-konsep ekonomi, ilustrasi, latihan dan aktiviti, bahasa, gaya penulisan, dan kegunaannya dari segi pengajaran dan pembelajaran.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini ialah soal selidik yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan persepsi guru-guru Ekonomi Asas di sekolah-sekolah menengah biasa di daerah Batang Padang, Perak terhadap mutu buku teks Ekonomi Asas Tingkatan Empat KBSM. Soalan-soalan dalam soal selidik ini telah dibentuk berdasarkan soal selidik-soal selidik yang digunakan dalam kajian-kajian lain yang menilai buku teks.

Soal selidik ini mengandungi 28 item yang berkaitan dengan guru, murid, dan buku teks Ekonomi Asas Tingkatan Empat KBSM. Soal selidik ini telah dimantapkan dan dimurnikan selepas kajian rintis.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian sebenar terdiri daripada dua bahagian. Bahagian A mengandungi sebanyak 7 item iaitu jantina, peringkat pelajaran tertinggi, kelulusan iktisas, opsyen, bilangan kelas yang diajar, tempoh pengalaman mengajar, dan tugas menilai buku teks di sekolah.

Item-item dalam Bahagian B adalah merujuk kepada buku teks yang digunakan oleh responden-responden. Soalan-soalan yang dibina memerlukan guru-guru menjawabnya berhubung dengan kekerapan penggunaan bilangan buku teks yang dimiliki oleh pelajar, kesesuaian kandungan buku teks dengan sukatan pelajaran, kesilapan fakta dan maklumat dalam buku teks, kejelasan konsep-konsep ekonomi, kesesuaian kandungan buku teks dengan tahap pencapaian pelajar, fungsi ilustrasi (gambarajah, keluk-keluk dan jadual) dari segi membantu pemelajaran pelajar, fungsi latihan dan aktiviti, kesesuaian penggunaan bahasa dengan peringkat kebolehan pelajar, kesesuaian saiz huruf serta gaya penulisan. Manakala soalan terakhir adalah soalan terbuka yang memerlukan responden-responden memberikan cadangan (jika ada) untuk meningkatkan mutu buku teks ini.

Setiap item mempunyai soalan yang memerlukan responden menanda (/) dalam petak yang disediakan kecuali terdapat beberapa item yang memerlukan responden memberikan contoh kesilapan fakta, maklumat dan

konsep, bilangan, dan penerbit buku teks yang lain yang digunakan oleh guru.

Sampel Kajian

Responden kajian ini terdiri daripada guru-guru yang kini sedang mengajar Ekonomi Asas KBSM di sekolah-sekolah menengah biasa di daerah Batang Padang, Perak. Responden yang dipilih sebagai sampel mestilah sekurang-kurangnya mempunyai pengalaman mengajar Ekonomi Asas Tingkatan Empat selama setahun bagi memastikan responden dapat menjawab soal selidik dan memberikan pandangan mereka secara menyeluruh terhadap keseluruhan buku teks yang mereka gunakan.

Responden kajian ini terdiri daripada tujuh belas orang guru Ekonomi Asas yang mengajar Ekonomi Asas Tingkatan Empat di daerah Batang Padang iaitu terdiri daripada 10 orang (59%) guru lelaki dan 7 orang (41%) guru perempuan.

Kesemua responden yang dipilih ini adalah kelulusan universiti dengan 16 orang (94%) memiliki Diploma Pendidikan dan seorang Sarjana Muda Pendidikan. Mereka juga tidak pernah diberi tugas menilai buku teks di sekolah sebelum ini.

Ciri-ciri responden dari aspek opsyen, tempoh pengalaman mengajar Ekonomi Asas, dan bilangan kelas tingkatan empat diajar ditunjukkan dalam jadual 3.1.

Jadual 3.1

**Peratusan Penyebaran Sampel Kajian Berdasarkan Opsyen,
Pengalaman Mengajar Ekonomi Asas Dan Bilangan
Kelas Tingkatan 4 Diajar**

Ciri Sampel	Kategori	Bilangan	Peratus
Opsyen	Ekonomi	2	11.8
	Ekonomi dan Perdagangan	6	35.4
	Ekonomi Asas dan Prinsip Akaun	2	11.8
	Perakaunan	1	5.8
	Bahasa Melayu dan Ekonomi	1	5.8
	Bahasa Melayu dan Perdagangan	2	11.8
	Prinsip Akaun dan Perdagangan	1	5.8
	Bahasa Melayu	2	11.8
	Pengalaman Mengajar Ekonomi Asas	1 Tahun	3
2 Tahun		3	23.6
3 Tahun		4	23.6
4 Tahun		3	17.6
5 Tahun		4	23.6
Bilangan Kelas Ekonomi Asas Tingkatan 4 Yang diajar	1	5	29.5
	2	7	41.2
	3	3	17.5
	4	2	11.8

Berdasarkan Jadual 3.1 peratusan opsyen tertinggi guru yang menjadi sampel kajian adalah terdiri daripada opsyen Ekonomi dan Perdagangan iaitu 35.4%. Jadual yang sama juga menunjukkan ada guru-guru opsyen Bahasa Melayu mengajar Ekonomi Asas.

Dari segi pengalaman mengajar mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan 4, sebanyak 17.6% mempunyai pengalaman satu tahun, dua tahun, dan empat tahun. Manakala 23.6% mempunyai pengalaman mengajar antara tiga tahun hingga lima tahun.

Sampel kajian juga kebanyakannya mengajar dua kelas Tingkatan 4 (41.2%), diikuti oleh satu kelas (29.5%), tiga kelas (17.5%) dan akhir sekali empat kelas (11.8%).

Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian sebenar. Tujuan kajian rintis dijalankan ialah untuk mendapatkan maklumat daripada wakil responden bagi menentukan kesesuaian dan kemantapan soal selidik. Melalui kajian rintis ini, item-item dalam soal selidik itu diuji bagi memastikan sama ada terdapat item-item yang mengelirukan, sukar difahami atau kurang jelas. Selain itu, kajian ini juga cuba mengetahui sekiranya terdapat butir-butir yang tertinggal dalam soal selidik tersebut serta mengetahui masa yang diambil oleh responden untuk menjawab soal selidik berkenaan.

Sampel yang terlibat dalam kajian rintis ini adalah terdiri daripada responden yang di luar atau bukan daripada sampel kajian sebenar. Tiga orang guru Ekonomi Asas dari sekolah menengah sekitar Kuala Lumpur terlibat dalam menjawab soalan-soalan soal selidik ini.

Melalui hasil kajian rintis, beberapa perubahan telah dibuat dalam soal selidik berkenaan atas cadangan dan komen responden. Dalam bahagian A, satu item soalan telah ditambah iaitu mengenai opsyen bagi kursus latihan perguruan di Maktab Perguruan atau Universiti.

Bagi Bahagian B pula, dua item soalan yang merujuk kepada kesesuaian soalan objektif dan soalan esei berdasarkan standard peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah digugurkan. Di samping itu, tiga item soalan telah ditambah iaitu berkenaan kekerapan penggunaan buku teks di kelas, kesesuaian saiz huruf, dan gaya penulisan dalam buku teks berkenaan.

Beberapa perubahan telah dibuat dalam soal selidik ini hasil daripada kajian rintis atas cadangan dan komen wakil responden sebelum melaksanakan kajian sebenar. Maka satu set soal selidik telah dibina dan dihasilkan untuk digunakan dalam kajian ini.

Prosedur Pengumpulan Dan Analisis Data

Soal selidik telah dikirimkan secara pos kepada semua responden melalui pengetua sekolah masing-masing. Responden kajian diminta

memulangkan soal selidik yang telah lengkap dengan menggunakan sampul surat berselem yang disediakan.

Responden telah diberi tempoh tiga minggu untuk mengisi dan memulangkan soal selidik tersebut. Pada akhir tempoh penerimaan yang ditetapkan itu, borang soal selidik yang telah diterima adalah 100%.

Soal selidik yang telah diterima daripada responden dikumpulkan, diberikan kod, dan diproses menggunakan sistem SPSS (Statistical Package for Social Sciences). Analisis data hanya melibatkan kekerapan dan peratusan. Data-data itu kemudiannya dipersembahkan dalam bentuk jadual mengikut soalan-soalan kajian.